



PASANG...Latiff memasang bendera dan mengagihkan bubur lambuk.

Agih bubur lambuk, bendera

AYER KEROH: Menjelang Ramadan dan sambutan kemerdekaan negara yang bakal tiba kurang seminggu lagi, Philea Resort & Spa Melaka, dekat sini, mengambil inisiatif awal mengagihkan 5,000 bungkus bubur lambuk dan 500 Jalur Gemilang kepada orang ramai di pintu masuk Plaza Tol Ayer Keroh, petang semalam.

Pengarah Kewangan Philea Resort & Spa Melaka, Lim Beng Weh berkata, 1,000 kakitangannya bekerjasama memasak 28 periuk bubur lambuk seawal jam 8.00 pagi diketuai Chef De Cuisine, Mohd Kamal Damiri.

“Pihak kami berbesar hati mengedarkan bubur lambuk sempena ketibaan Ra-

madan serta bendera percuma untuk dilekatkan pada kereta menjelang sambutan kemerdekaan negara ke-54.

“Ini tahun kedua diadakan program memasak bubur lambuk dan tahun lalu kami mengagihkan 3,000 bungkus. Tahun ini, kami mengambil inisiatif menjalankan tanggungjawab sosial ini dengan lebih awal supaya orang ramai daripada pelbagai kaum dapat menikmati,” katanya selepas majlis pengagihan bubur lambuk kepada orang ramai yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Latiff Tamby Chik berhampiran pintu masuk Plaza Tol Ayer Keroh.